

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 12 JULAI 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 2

### Negara rugi RM18b akibat Ali Baba



## Negara rugi RM18b akibat Ali Baba

Kerajaan rangka dasar hapuskan amalan elak terus jejas ekonomi

Oleh Mahanum Abdul Aziz dan Irwan Shafriazan Ismail  
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kerajaan sedang merangka dasar anti-Ali Baba bagi menangani kesan negatif budaya itu terhadap ekonomi.

Amalan Ali Baba dianggarkan mengakibatkan kerugian mencecah sekurang-kurangnya peratus daripada KDNK atau kira-kira RM18 billion berdasarkan kira tahun lalu.

Mengikut Laporan Jabatan Perancangan, KDNK Malaysia keseburuan tahun lalu adalah RM1.79 trillion dan satu peratus dari padanya adalah berjumlah kira-kira RM18 billion.

Ali Baba ialah satu sistem perniagaan yang memakai nama Melayu (Ali) atau diruruskан oleh orang Melayu tetapi sebenarnya kepunyaan orang Cina (Baba) atau bangsa asing yang lain. Sebagai contoh seorang peniaga Melayu mendapat kontrak dengan Ali Baba untuk menjual atau menyewa kepada bangsa lain untuk keuntungan sendiri danan. Pihak yang mendapat keuntungan ialah orang asing.

Dalam satu kenyataan semalam Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata perkara itu dipersetujui dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang diadakan di sini, Kelmarin.

Kerugian satu peratus dari

amalan tersebut boleh berlaku kerugian seperti pemberian permit dan kuota, serta pemberian subsidi dan geran, katanya.

Perdana Menteri berkata, Kementerian Ekonomi dan Jabatan Pegawai Negara dengan kerjasama beberapa kementerian dan agensi kerajaan akan mengkaji, merangka dasar serta strategi perundangan bersesuaian untuk membantarkan kegiatan Ali Baba dan membentangkan cadangan kepada Jemaah Menteri.

"Mesyuarat MTEN semalam (kelmarin), bersatu-satunya, mengambil keputusan Ali Baba memang bukan negatif kepada ekonomi dan kerajaan serius untuk mengatasi dan membasmi akhlak itu."

"Anggaran kerugian mencecah sekurang-kurangnya peratus daripada KDNK dan membabitkan aspek perolehan, pelesenan, pemberian permit dan kuota serta pemberian subsidi dan geran," katanya.

Percepatin Inisiatif NETR

Anwar berkata, mesyuarat MTEN turut bersetuju mempercepat inisiatif Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (NETR) sebagai pemangkin kepada strategi mengangkat negara sebagai peranan serantau tenaga boleh baharu.

Peluncuran Fasa Pertama NETR akan diadakan pada 27 Julai nanti, iaitu Fasa Kedua pada Ogos depan.

Fasa pertama NETR akan mengelengahkan 10 projek rintis perdana yang strategik dan bernilai tinggi sebagai Dasar Tenaga Negara 2022-2040 dengan jangkaan pelaburan bernilai RM125 billion.

"Ia akan mewujudkan 23,000 pekerjaan berkualiti tinggi dan mengurangkan pelepasan karbon dioksid setara melebih 10,000 gigagram secara bertimbunan," katanya.

Sementara itu, Ketua Ekonomi dan Analisis Pasaran dan Kewangan Sosial Bank Muamalat Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzalizam Abdul Rashid ketika dimintanya mengulas cadangan merangka dasar untuk membantarkan kegiatan Ali Baba, berkata satu peratus daripada KDNK pada tahun lalu berjumlah kira-kira RM18 billion yang mana jumlah itu adalah sangat besar.

Katanya, budaya Ali Baba adalah budaya yang tidak jauh perbezaan daripada habis-habisan mendandangkan ia berpotensi menjadikan daya saing negara, selain menutup peluang kepada mereka yang berkelayakan.

Beliau berkata, amalan itu juga berpotensi meningkatkan kos operasi apabila kontraktor yang dilantik tidak mempunyai pengalaman atau skala ekonomi untuk melaksanakan projek kerajaan.

Justeru, jelasnya, wang pembayar cukai akan dibazirkan kepada peningkatan produktiviti tidak dapat dicapai.

"Ini juga boleh memberi kesan kepada daya saing negara kerana yang berkelayakan mungkin akan berpindah dan mencari peluang yang lebih di luar negara," katanya.

Profesor Adjuang Tun Ahmad Sarji School of Government and Public Services (TASSGPS) Universiti Tun Abdul Razak (UNITARAZAK), Dr Zukifly Omar, berkeyakinan reformasi institusi perlu bagi membendung kegiatan Ali Baba.

Katanya, jika tidak ditangani, ia akan menyebabkan ketidakstabilan dan salah agihan sumber.

"Antara langkah penting perlu diambil adalah meningkatkan ketelusan dalam semua proses, seperti perolehan, pelesenan, pemberian permit dan kuota, serta pemberian subsidi dan geran," katanya.